



Persekitaran Antarabangsa dan Kerjasama Ekonomi

2



Persekitaran Antarabangsa dan Kerjasama Ekonomi

Tinjauan

Pertumbuhan ekonomi dunia semakin sederhana...

Ekonomi global kini dibebani cabaran pertumbuhan yang semakin perlahan akibat pergolakan kewangan yang berpunca daripada krisis gadai janji subprima di Amerika Syarikat (AS) dan tekanan inflasi berikutan harga komoditi yang tinggi. Kesan negatif krisis gadai janji subprima dan keadaan kredit yang ketat memberi kesan ke atas ekonomi negara maju, terutamanya AS di mana jumlah kerugian sebenar yang dialami oleh pasaran kewangan yang terlibat masih belum diketahui. Tambahan pula, tekanan inflasi terutamanya kesan daripada harga barang makanan dan bahan api yang tinggi terus membataskan perbelanjaan isi rumah, menghakis keyakinan pengguna dan menjejaskan pertumbuhan. Berikutan itu, pertumbuhan ekonomi yang lemah dan kredit yang ketat telah menjejaskan aliran pelaburan langsung asing (FDI), sementara permintaan import negara maju yang perlahan dijangka menyederhanakan aliran perdagangan global.

Sehingga kini, negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain, tidak terjejas oleh pergolakan yang dialami di pasaran kewangan yang lebih maju. Walaupun berdepan dengan harga barang makanan dan bahan api yang tinggi, ekonomi negara ini dijangka berkembang kukuh dan akan menyokong pertumbuhan ekonomi global. Seterusnya, negara membangun yang kaya dengan sumber asli dijangka mengalami peningkatan aliran FDI ke dalam industri galian berikutan permintaan bahan mentah dan sumber tenaga yang kukuh.

Meskipun begitu, kerajaan di seluruh dunia masih bergelut dengan keperluan untuk menangani impak pertumbuhan global yang sederhana serta kenaikan harga barang makanan dan bahan api

dalam suasana geopolitik yang tegang dan ketidakseimbangan global yang berterusan. Cabaran ke atas kestabilan ekonomi dan kewangan memerlukan kerjasama di peringkat global bagi mencari penyelesaian yang komprehensif.

Prestasi Ekonomi Global

Negara membangun menyumbang kepada pertumbuhan global...

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dunia pada tahun 2008 dijangka mencatat pertumbuhan pada kadar 4.1% (2007: 5.0%), seperti di *Jadual 2.1*, berpunca sebahagian besarnya daripada

JADUAL 2.1

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar Negara Terpilih 2007 – 2009

	Perubahan (%)		
	2007	2008 ¹	2009 ²
Dunia	5.0	4.1	3.9
Negara Maju	2.7	1.7	1.4
Amerika Syarikat	2.2	1.3	0.8
Kawasan euro	2.7	1.7	1.5
Jepun	2.1	1.5	1.5
Asia			
China	11.9	9.7	9.8
Republik Korea	5.0	4.6	4.4
India	9.0	7.7	8.0
ASEAN 5	6.3	5.6	5.9
Indonesia	6.3	6.0-6.2	6.3
Thailand	4.8	4.8-5.8	4.3-5.8
Singapura	7.7	4.0-5.0	4.5
Filipina	7.3	5.7-6.5	5.8
Malaysia	6.3	5.7	5.4

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Sumber: IMF dan pihak berkuasa negara.

daya tahan berterusan di kalangan negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain, didahului oleh China dan India serta negara pengeluar minyak. Namun begitu, inflasi yang semakin tinggi akibat peningkatan harga barang makanan dan bahan api boleh menghakis prestasi pertumbuhan terutamanya di negara membangun. Bagi tahun 2008, inflasi dunia dijangka meningkat 4.7% berbanding 3.9% yang dicatat pada tahun 2007 seperti di *Jadual 2.2*. Sepanjang tahun ini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi menangani isu tersebut di peringkat nasional dan antarabangsa.

AS terus terjejas dengan masalah sektor kewangan yang telah menjejaskan ekonomi benarnya. Sejak berlakunya krisis gadai janji subprima pada pertengahan tahun 2007, AS telah mengambil beberapa langkah untuk membendung kesan negatif krisis sektor kewangan, termasuk memberi bantuan kewangan kepada salah satu daripada

bank pelaburan terbesar dan cadangan untuk menyelamatkan dua syarikat gadai janji kewangan terbesarnya. AS juga telah memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi bernilai USD168 bilion pada tahun 2008 yang merangkumi rebat tunai dan insentif cukai untuk mempertingkatkan perbelanjaan pengguna dan pelaburan. Berikutan itu, prestasi ekonomi AS kekal pada kadar 1.8% dalam tempoh suku kedua 2008 (April – Jun 2007: 1.8%), disokong oleh sumbangan positif eksport barangan dan perkhidmatan, perbelanjaan kerajaan, pelaburan swasta serta perbelanjaan penggunaan peribadi. Sementara itu, inflasi meningkat 3.5% dalam tempoh suku kedua 2008 (April – Jun 2007: 2.7%), disebabkan kenaikan harga tenaga dan barang makanan. Namun begitu, *Federal Reserve Board* telah mengekalkan kadar dana persekutuan iaitu 2.0% pada bulan Ogos 2008 berikutan pertumbuhan ekonomi terus dilembapkan oleh kadar pengangguran yang tinggi, ketidakstabilan kewangan yang berterusan dan keadaan kredit yang lebih ketat, pasaran perumahan yang semakin merosot serta harga tenaga yang tinggi. Berlatarkan senario ini, ekonomi AS dijangka mencatat pertumbuhan lebih rendah pada kadar 1.3% pada tahun 2008 (2007: 2.2%).

Ekonomi di 15 negara **kawasan euro** yang tidak begitu terjejas akibat krisis subprima gadai janji AS, telah mencatat pertumbuhan 1.5% dalam tempoh suku kedua 2008 (April – Jun 2007: 2.6%), berbanding 2.2% dalam tempoh suku pertama (Januari – Mac 2007: 3.2%). Pengurangan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan tinggi harga komoditi yang mengekang perbelanjaan pengguna, pengukuhan mata wang euro, kos pinjaman yang lebih tinggi dan kelembapan ekonomi AS. Jerman yang pada amnya menyumbang hampir 30.0% daripada keluaran kawasan euro, telah mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan dalam tempoh suku kedua, iaitu 1.7% (April – Jun 2007: 2.5%) berbanding 2.6% yang dicatatkan dalam tempoh suku pertama (Januari – Mac 2007: 3.4%), akibat daripada kemerosotan permintaan luar serta penggunaan domestik yang terus dihipit oleh tekanan inflasi. Pada bulan Jun dan Julai 2008, inflasi di kawasan euro kekal pada kadar

JADUAL 2.2

**Kadar Inflasi bagi Negara Terpilih
2007 – 2008**

	Perubahan (%)	
	2007	Jan – Julai 2008
Dunia	3.9	4.7¹
Negara Maju	2.2	3.4¹
Amerika Syarikat	2.9	4.4
Kawasan euro	2.1	3.6
Jepun	0.0	1.2 ²
Negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain	6.4	9.1¹
China	4.8	7.7
Republik Korea	2.5	4.6
India	6.4	7.0 ²
ASEAN-5		
Indonesia	6.4	8.9
Thailand	2.2	6.7
Singapura	2.1	7.1 ²
Filipina	2.8	8.3
Malaysia	2.0	4.4

¹ Anggaran bagi 2008.

² Januari – Jun.

Sumber: IMF dan pihak berkuasa negara.

4.0%, iaitu yang tertinggi sejak pembentukan blok tersebut pada tahun 1999. Bagi menangani kenaikan ini, *European Central Bank* telah menaikkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas kepada 4.25% pada bulan Julai 2008 dan kadar tersebut terus kekal pada bulan Ogos dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang semakin perlahan. Pertumbuhan ekonomi bagi kawasan euro dijangka pada kadar 1.7% pada tahun 2008 (2007: 2.7%).

Ekonomi **Jepun** berkembang 1.0% dalam tempoh suku kedua 2008 (April – Jun 2007: 1.8%), berkurangan daripada 1.2% dicatatkan dalam tempoh suku pertama (Januari – Mac 2007: 3.2%), terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam eksport dan perbelanjaan pengguna. Indeks Harga Pengguna (CPI) yang tidak termasuk barang makanan segar, meningkat 1.9% pada bulan Jun 2008 berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya dan merupakan kadar kenaikan terpantas dalam tempoh melebihi sedekad. *Bank of Japan* mengekalkan kadar faedah penanda aras pada 0.5% pada bulan Ogos untuk mengelakkan risiko kemelesetan ekonomi, walaupun inflasi di seluruh dunia terus meningkat. Pada tahun 2008, ekonomi Jepun dijangka berkembang 1.5% berbanding 2.1% pada tahun 2007.

Negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain terus menunjukkan pertumbuhan yang kukuh berbanding negara maju. Berikutan krisis kewangan Asia, negara **Asia Timur** (tidak termasuk Jepun) telah melaksanakan dasar makroekonomi dan pembaharuan struktur yang kukuh untuk meningkatkan daya tahan dan fleksibiliti. Hasilnya, rizab tukaran asing telah meningkat dengan ketara, beban hutang dan pinjaman bank tidak berbayar telah berkurangan, terdapat fleksibiliti fiskal untuk menangani perkara luar jangka serta eksport dan pasaran telah dipelbagaikan. Dengan sokongan permintaan domestik dan serantau yang kukuh, rantau ini dijangka terus mencatat pertumbuhan yang kukuh pada kadar 8.2% pada tahun 2008 (2007: 8.7%), meskipun inflasi yang lebih tinggi di sekitar 7.5% dicatatkan pada bulan April 2008.

China, iaitu ekonomi terbesar di Asia Timur (tidak termasuk Jepun) berkembang 10.1% dalam tempoh suku kedua 2008 (April – Jun 2007: 11.7%), berkurangan daripada 10.6% yang dicatatkan dalam tempoh suku pertama (Januari – Mac 2007: 11.1%) berikutan permintaan eksport yang lebih rendah, renminbi yang bertambah kukuh dan upah yang semakin meningkat. Eksport berkurangan kepada 21.9% dalam tempoh separuh pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 27.6%), sementara import meningkat 30.6% (Januari – Jun 2007: 18.3%), didorong oleh peningkatan mendadak harga minyak mentah dan bijih besi. Sementara itu, CPI menurun kepada 6.3% pada bulan Julai 2008, berbanding 8.7% yang dicatatkan pada bulan Februari 2008, iaitu paras tertinggi sejak 12 tahun berikutan beberapa langkah yang dilaksanakan, termasuk peningkatan kadar faedah dan rizab wajib berkanun. Pada masa yang sama, kerajaan telah mengumumkan inisiatif baru untuk menyekat aliran masuk dana spekulasi tetapi membenarkan aliran masuk modal bagi transaksi perdagangan yang sah. Ekonomi China diramal berkembang 9.7% pada tahun 2008 (2007: 11.9%), disokong oleh penggunaan dan eksport.

Di **Republik Korea**, pertumbuhan ekonomi dalam tempoh suku kedua 2008 ialah pada kadar 4.8% (April – Jun 2007: 4.9%) didorong terutamanya oleh eksport yang meningkat 11.8%. Pertumbuhan ini lebih rendah berbanding 5.5% yang dicatatkan dalam tempoh suku pertama (Januari – Mac 2007: 4.0%) disebabkan penguncupan 0.1% dalam penggunaan swasta (April – Jun 2007: 0.9%) akibat inflasi yang tinggi. Pada bulan Julai 2008, CPI sebanyak 5.9%, merupakan peningkatan terpantas sejak bulan November 1998 yang melepasi sasaran *Bank of Korea* iaitu dalam lingkungan 2.5% hingga 3.5%, bagi tempoh sembilan bulan berturut-turut. Sejak bulan Mei 2008, kerajaan telah campur tangan bagi menghalang kejatuhan won dan seterusnya membendung inflasi. Pada bulan Ogos 2008, bank pusat telah menaikkan kadar penanda aras utama kepada 5.25% bagi memastikan tekanan inflasi terkawal. Pada keseluruhannya, Republik Korea dijangka mencatat pertumbuhan stabil pada kadar 4.6% pada tahun 2008 (2007: 5.0%).

Pertumbuhan ekonomi **India** kekal tinggi walaupun pada kadar yang berkurangan sedikit iaitu 8.8% dalam tempoh suku pertama 2008 (Januari – Mac 2007: 9.7%) disokong oleh sektor perkhidmatan yang kukuh, terutamanya subsektor perdagangan, perhotelan, pengangkutan dan komunikasi yang berkembang 12.4% serta sektor pembinaan sebanyak 12.6%. Berikutan langkah kerajaan meningkatkan harga runcit petrol dan diesel pada bulan Jun 2008, kadar inflasi telah mencecah paras tertinggi 12.4% pada minggu akhir bulan Julai. Inflasi kekal tinggi walaupun *Reserve Bank of India* telah menaikkan kadar pinjaman 'repo' penanda aras sebanyak 50 mata asas kepada 9.0% pada bulan Julai 2008, kali ketiga dalam tempoh dua bulan, dan menaikkan nisbah rizab tunai sebanyak 25 mata asas kepada 9.0%, berkuat kuasa pada akhir bulan Ogos 2008. Bagi meringankan beban golongan berpendapatan rendah, kerajaan India mengambil beberapa langkah fiskal seperti penghapusan hutang pinjaman pekebun kecil dan kenaikan gaji kakitangan perkhidmatan awam serta subsidi bagi bahan api dan makanan. Namun begitu, inflasi yang diburukkan lagi oleh tuntutan gaji lebih tinggi dijangka menambah tekanan ke atas pertumbuhan ekonomi. Pada tahun 2008, ekonomi India diramal berkembang 7.7% (2007: 9.0%).

Indonesia mencatat kadar pertumbuhan yang meningkat sedikit iaitu 6.4% dalam tempoh suku kedua 2008 (April – Jun 2007: 6.3%) berbanding 6.3% dalam tempoh suku pertama (Januari – Mac 2007: 6.0%), disokong oleh kenaikan eksport, terutamanya barang komoditi seperti arang batu, minyak kelapa sawit dan getah. Bank Indonesia menaikkan kadar faedah penanda aras kepada 9.0% pada bulan Ogos 2008 (Julai 2008: 8.75%) sebagai langkah membendung inflasi yang meningkat 11.9% pada bulan Julai. Kadar inflasi yang lebih tinggi ini disebabkan oleh peningkatan kos pengangkutan sebanyak 8.7%, berikutan kenaikan harga bahan api sebanyak 29.0% pada bulan Mei 2008. Meskipun menghadapi pertumbuhan global yang lebih perlahan dan tekanan inflasi, ekonomi Indonesia dijangka berkembang dalam lingkungan 6.0% hingga 6.2% (2007: 6.3%), disokong oleh peningkatan dalam penggunaan persendirian, eksport serta pelaburan dalam projek infrastruktur.

Ekonomi **Filipina** berkembang lebih perlahan pada kadar 5.2% dalam tempoh suku pertama 2008 (Januari – Mac 2007: 7.1%), terutamanya disebabkan eksport yang lemah, di samping harga makanan dan bahan api yang semakin naik. Eksport, yang dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi AS yang perlahan, menguncup secara mendadak sebanyak 11.1% (Januari – Mac 2007: 10.8%). Sebaliknya, sektor perkhidmatan kekal kukuh walaupun berkembang pada kadar lebih rendah sebanyak 6.9% berbanding 8.4% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada tahun 2007. Inflasi meningkat 12.2% pada bulan Julai 2008, kadar tertinggi sejak bulan Disember 1991, berikutan kenaikan mendadak kos makanan, minuman dan tembakau sebanyak 16.5%. Dalam usaha mengekang inflasi, *Banko Sentral Ng Pilipinas* menaikkan kadar dasarnya buat pertama kali sejak lebih dua tahun, sebanyak 25 mata asas kepada 5.25% pada bulan Jun 2008. Mengambil kira kesan pertumbuhan global yang perlahan dan inflasi yang meningkat, kerajaan Filipina menurunkan ramalan pertumbuhan untuk tahun 2008 pada kadar di antara 5.7% dan 6.5%, lebih rendah daripada jangkaan awal antara 6.3% dan 7.0% (2007: 7.3%).

KDNK **Singapura** yang meningkat 6.7% dalam tempoh suku pertama 2008 (Januari – Mac 2007: 7.0%) berkembang dengan amat perlahan pada kadar 2.1% dalam tempoh suku kedua (April – Jun 2007: 9.1%). Ini disebabkan terutamanya oleh penguncupan 5.2% dalam sektor pembuatan akibat kejatuhan mendadak dalam pembuatan bioperubatan dan pertumbuhan permintaan luar yang lebih rendah. Inflasi melonjak 7.5% pada bulan Jun 2008 akibat kenaikan kos barang makanan, pengangkutan dan komunikasi serta perumahan. Dalam usaha menangani kesan buruk inflasi ke atas golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas, kerajaan meneruskan program seperti memberi bonus kepada warga emas, skim baucer pengangkutan awam dan rebat penjimatan utiliti. Pada bulan April 2008, *Monetary Authority of Singapore* telah campur tangan bagi mengukuhkan nilai mata wang untuk mengekang inflasi yang diimport. Ini menyebabkan

peningkatan nilai dolar Singapura melebihi 5.0% berbanding dolar AS. Pada tahun 2008, pertumbuhan dijangka berada dalam lingkungan 4.0% hingga 5.0% (2007: 7.7%).

Pertumbuhan ekonomi di **negara membangun lain** dijangka kekal kukuh pada tahun 2008 berikutan permintaan domestik dan eksport yang lebih mantap. Di kalangan **negara pengeksport minyak Timur Tengah**, hasil minyak yang tinggi terus menjana perbelanjaan kerajaan dalam projek infrastruktur dan sosial serta peluasan pemberian kredit kepada sektor swasta. Manakala, pertumbuhan di negara **bukan pengeksport minyak Timur Tengah** terus kekal kukuh, seperti Mesir dengan pertumbuhan dijangka pada 7.0% (2007: 7.1%) dan Jordan 5.5% (2007: 5.7%). Ini didorong oleh pembaharuan domestik dalam perkhidmatan pendidikan, penjagaan kesihatan dan perumahan bagi meningkatkan peluang pelaburan dan pekerjaan, di samping limpahan perdagangan dan kewangan dari negara pengeksport minyak. Pada keseluruhannya, rantau Timur Tengah dijangka berkembang 6.2% (2007: 5.9%). Pertumbuhan **negara membangun yang berkembang pesat di Eropah** dianggarkan mencatat 5.5% pada tahun 2008 (2007: 6.9%) didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, termasuk harta kediaman. **Commonwealth of Independent States** dijangka mencatat pertumbuhan 8.6% (2007: 9.7%). Ini didorong oleh harga komoditi yang tinggi, pengembangan dasar makroekonomi, aliran masuk modal yang kukuh, pertumbuhan kredit yang pesat dan harga aset yang semakin meningkat. Sebaliknya, pertumbuhan di **Amerika Latin** diunjurkan sederhana pada 4.4% (2007: 5.6%) pada tahun 2008, sebahagian besarnya disebabkan oleh kekangan kapasiti dan keadaan monetari yang semakin ketat. Berlatarkan senario ini, harga komoditi yang tinggi dijangka mengekalkan permintaan domestik di rantau ini. Prestasi ekonomi **Afrika** yang diunjurkan pada 6.4% (2007: 6.5%) didorong oleh barangan komoditi. Prestasi kukuh ini disebabkan oleh beberapa fasiliti pengeluaran baru mula beroperasi di negara pengeksport minyak seperti Angola dan Nigeria, serta eksport komoditi bukan bahan

api dan pertumbuhan pelaburan yang kukuh di negara bukan pengeksport minyak, terutamanya Afrika Selatan.

Aliran Pelaburan

Aliran pelaburan kekal mantap...

Pada tahun 2007, pertambahan aliran FDI disebabkan oleh peningkatan penggabungan dan pengambilalihan rentas sempadan dalam industri perbankan, galian dan perkhidmatan berkaitan serta pelaburan baru. Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) menganggarkan aliran FDI global pada tahun 2007 mencecah paras baru tertinggi iaitu USD1,537.9 bilion (2006: USD1,305.9 bilion), seperti di *Jadual 2.3*, menunjukkan aliran FDI kekal tidak terjejas oleh pergolakan pasaran kewangan yang bermula pada separuh kedua 2007.

Aliran FDI ke negara maju berkembang empat tahun berturut-turut kepada USD1,001.9 bilion (2006: USD857.5 bilion), di mana AS mengekalkan kedudukannya sebagai penerima tunggal terbesar berdasarkan peluang yang ada, terutamanya di sektor automotif, pertahanan dan angkasa serta persekitaran mesra pelabur dan pasaran modal yang maju. Kesatuan Eropah (EU) menerima sekitar 40.0% daripada jumlah keseluruhan FDI global, kebanyakannya disalurkan kepada sektor perisian, perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Destinasi utama pelaburan di EU adalah United Kingdom, Perancis dan Belanda. Sementara itu, aliran FDI ke Jepun yang sebahagian besarnya ke dalam sektor kewangan dan harta tanah kembali mencatat aliran masuk yang mendadak sebanyak USD28.8 bilion pada tahun 2007 (2006: -USD6.5 bilion).

Ekonomi membangun terus menarik lebih banyak FDI, dengan peningkatan 15.7% kepada USD438.4 bilion pada tahun 2007, terutamanya dalam industri berasaskan sumber asli dan pembuatan (Brazil), perbankan (Mesir) dan industri galian (Angola dan Nigeria). Peningkatan aliran FDI ke Asia dan Oceania dalam tempoh enam tahun berturut-turut

JADUAL 2.3

Aliran Masuk FDI bagi Rantau dan Ekonomi Utama Terpilih 2006 – 2007

	USD bilion		Perubahan (%)
	2006	2007 ¹	
Dunia	1,305.9	1,537.9	17.8
5 penerima utama bagi 2007			
Amerika Syarikat	175.4	192.9	10.0
United Kingdom	139.5	171.1	22.6
Perancis	81.1	123.3	52.1
Belanda	4.4	104.2	2,285.1
China	69.5	67.3	-3.1
Negara Maju	857.5	1,001.9	16.8
Kesatuan Eropah	531.0	610.0	14.9
Jepun	-6.5	28.8	n.a.
Lain-lain	333.0	363.1	9.0
Negara Membangun	379.1	438.4	15.7
Asia dan Oceania	259.8	277.0	6.6
India	16.9	15.3	-9.4
ASEAN-5	48.0	64.7	34.8
Singapura	24.2	36.9	52.6
Thailand	9.8	10.0	2.3
Malaysia	6.1	9.4	54.4
Indonesia	5.6	5.9	6.3
Filipina	2.3	2.5	4.6
Lain-lain	119.3	161.4	35.3
Ekonomi Peralihan	69.3	97.6	40.8

¹ Anggaran awal.

Sumber: UNCTAD.

telah mencecah USD277 bilion pada tahun 2007 (2006: USD259.8 bilion). Jumlah ini merupakan 63.2% daripada keseluruhan jumlah aliran ke dalam ekonomi membangun, terutamanya dalam sektor pembuatan dan harta tanah (China); dan perkhidmatan, perisian dan perkakasan komputer serta telekomunikasi (India).

Di kalangan lima negara utama dalam Pertumbuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN-5), aliran FDI ke Malaysia meningkat 54.4% kepada USD9.4 bilion (2006: USD6.1 bilion) mencerminkan peningkatan keyakinan pelabur asing terhadap iklim pelaburan negara yang menggalakkan. Mengikut *2007 A.T. Kearney FDI Confidence Index*, Malaysia telah mencapai kedudukan ke-16 daripada 60 negara selepas tidak tersenarai


antara 25 negara teratas dalam kajian sebelum ini. Sektor elektrik dan elektronik (E&E) menjadi tumpuan FDI, khususnya disebabkan oleh upah tenaga kerja berkualiti yang berdaya saing 40.0% lebih rendah berbanding Singapura dan Hong Kong. Berdasarkan *UNCTAD World Investment Prospects Survey 2007 – 2009*, Malaysia merupakan lokasi FDI ke-14 paling menarik dari segi pertumbuhan pasaran, kecekapan kos dan tenaga buruh berkualiti, seperti di *Carta 2.1*. Di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga, E&E dan sektor utama lain seperti petrokimia, farmaseutikal, jentera pengangkutan dan produk berasaskan kayu akan dimajukan lagi bagi menarik FDI ke Malaysia.

Pertumbuhan FDI global pada tahun 2008 dijangka kekal tidak menentu disebabkan pertumbuhan lemah ekonomi negara maju. Kedudukan kredit yang ketat dan kadar tukaran mata wang yang turun naik dengan mendadak boleh memburukkan lagi keadaan. Namun begitu, permintaan kukuh bagi bahan mentah di seluruh dunia pada tahun 2008 akan menggalakkan FDI ke dalam industri galian di negara yang kaya dengan sumber asli. Pada masa yang sama, keprihatinan yang semakin meningkat terhadap alam sekitar dan permintaan tenaga yang semakin bertambah dijangka menyebabkan peningkatan pelaburan dalam industri berkaitan alam sekitar dan perkhidmatan seperti *reverse logistics* (pengutipan barang buangan), kitar semula dan kemudahan rawatan air, produk dan proses baru yang mesra alam serta sumber tenaga alternatif.

Prospek FDI Malaysia pada tahun 2008 mampu ditingkatkan dengan mengambil peluang ke atas pasaran China yang berkembang pesat dan terus menjadi pemangkin kepada ekonomi global. Peningkatan permintaan dari China dijangka menjana pengeluaran nilai tambah produktiviti lebih tinggi dan mewujudkan lebih banyak peluang bagi ekonomi yang kaya dengan komoditi seperti Malaysia. Di Malaysia, peluang baru terbuka luas dalam sektor perkhidmatan, terutamanya teknologi maklumat dan komunikasi serta perkhidmatan berkaitan pembuatan.

25 Ekonomi Paling Menarik untuk FDI 2007 – 2009

(Jumlah keseluruhan maklumbalas)



Sumber: Penyiasatan UNCTAD, 2007 – 2009.

Aliran Perdagangan

Aliran perdagangan bertambah sederhana...

Aliran perdagangan global yang melonjak 9.2% pada tahun 2006 berkembang sederhana sebanyak 6.8% pada tahun 2007 susulan permintaan import yang lebih perlahan di negara maju, terutamanya AS. Pada tahun 2008, perdagangan dijangka semakin perlahan sejajar dengan kelembapan negara maju yang sedikit sebanyak diimbangi oleh momentum pertumbuhan kukuh negara membangun berkembang yang pesat dan membangun lain. Anggaran awal aliran perdagangan dunia bagi tahun 2008 menunjukkan pertumbuhan 5.6% iaitu setelah mengambil kira ramalan KDNK global yang rendah pada tahun tersebut. Negara seperti AS, kawasan euro dan Jepun mengalami penurunan perdagangan yang lebih ketara berbanding China dan ASEAN.

Import **AS** mengalami kejatuhan mendadak kepada 2.2% pada tahun 2007 (2006: 6.0%) kerana entiti perniagaan dan pengguna mula mengurangkan pelaburan dan perbelanjaan berikutan lonjakan harga bahan api dan komoditi, pasaran perumahan yang semakin menurun dan keadaan kredit yang semakin ketat. Sumber import utama AS termasuk China, 16.5% (2006: 15.5%); Kanada, 16.0% (2006: 16.4%); Mexico, 10.8% (2006: 10.7%); dan Jepun, 7.4% (2006: 8.0%). Import utama termasuk bahan dan bekalan perindustrian, barangan modal, automotif, alat ganti dan enjin, barangan pengguna, makanan dan minuman serta makanan ternakan. Arah aliran penurunan bagi import dijangka berterusan pada tahun 2008. Sementara itu, pertumbuhan eksport yang menurun kepada 8.4% pada tahun 2007 (2006: 9.1%) dijangka terus berkembang dengan lebih perlahan pada tahun 2008.

Eksport **China** pada tahun 2007 berkembang kukuh sebanyak 19.4% (2006: 18.2%) menggambarkan permintaan eksport yang mantap dari negara Eropah dan negara membangun lain seperti Brazil, Rusia dan India. Namun demikian, permintaan global yang lemah, kenaikan nilai mata wang renminbi dan peningkatan kos domestik dijangka menjejaskan sedikit eksport China pada tahun 2008. Sementara itu, import China pada tahun 2007 menokok sedikit kepada 16.2% (2006: 16.0%) apabila pertumbuhan KDNK berada pada paras lebih mapan. Kebanyakan import China berasal dari Jepun, 14.0% (2006: 14.6%); Republik Korea, 10.9% (2006: 11.3%); Taiwan, 10.6% (2006: 11.0%); dan AS, 7.3% (2006: 7.5%).

EU merupakan pengeksport barangan terbesar dunia dan pengimport kedua terbesar selepas AS. Rakan dagangan utamanya termasuk AS, China, Rusia, Jepun, Republik Korea, India dan Brazil. Walaupun AS masih merupakan rakan dagangan terbesar, China telah mengambil alih kedudukan sebagai sumber import barangan terbesar EU sejak 2006. Eksport EU terdiri daripada jentera dan kenderaan, bahan kimia dan barangan pembuatan yang lain. Memandangkan kelembapan ekonomi AS dan pertumbuhan dunia yang semakin sederhana, perdagangan EU pada tahun 2008 dijangka berkembang lebih perlahan.

Eksport yang merupakan pendorong utama pertumbuhan **Jepun** telah berkembang pada kadar perlahan iaitu 8.6% pada tahun 2007 (2006: 9.7%) diterajui oleh penjualan kereta, keluli dan peralatan telekomunikasi. Eksport ke China, EU dan negara pengeluar minyak membantu mengimbangi kemerosotan eksport ke AS. Import Jepun pada tahun 2007 berkembang 1.8% (2006: 4.2%) berikutan harga makanan dan bahan api yang semakin meningkat menyebabkan pengguna dan pemilik perniagaan mengurangkan perbelanjaan dan pelaburan. Manakala, pada tahun 2008, eksport dijangka mencatatkan pertumbuhan yang perlahan berikutan permintaan yang lebih lemah dari AS dan EU.

Eksport **Singapura** pada tahun 2007 berkembang perlahan sebanyak 4.4% (2006: 12.8%), dan sebahagian besarnya disebabkan pengurangan

penghantaran barangan elektronik dalam persekitaran harga yang semakin menurun serta peningkatan inventori berterusan di kalangan pengeluar utama cip. Rakan dagangan utama Singapura termasuk Malaysia, AS, China, Hong Kong, Indonesia dan Australia. Persekitaran global yang lemah dijangka memperlambatkan pertumbuhan eksport Singapura pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, dengan sokongan momentum pertumbuhan ekonomi Asia yang kukuh serta peranannya sebagai hab kewangan serta destinasi popular bagi perniagaan dan pelancongan, kerajaan Singapura sedang mengambil langkah ke arah mengurangkan pergantungan terhadap eksport elektronik dengan membangunkan lagi eksport perkhidmatan.

Pertumbuhan ekonomi global yang perlahan berkemungkinan memberi impak kepada permintaan untuk eksport **ASEAN** (tidak termasuk Singapura), terutamanya dari negara maju. Walau bagaimanapun, peningkatan perdagangan intra-ASEAN serta kekukuhan permintaan domestik dijangka mengimbangi sebahagian daripada pertumbuhan eksport negara maju yang lebih perlahan.

Kerjasama Ekonomi Antarabangsa

Mengurus cabaran global bagi mencapai kestabilan ekonomi...

Cabaran ekonomi semasa yang dihadapi kebanyakan negara adalah di luar kemampuan sesebuah negara untuk menyelesaikannya, meskipun mempunyai banyak pengalaman daripada episod pengurusan krisis yang lampau. Dengan itu, isu global yang menjadi kebimbangan bersama seperti harga barang makanan dan bahan api yang tinggi serta pasaran kewangan yang mudah berubah memerlukan usaha di peringkat serantau dan antarabangsa untuk mencapai penyelesaian global. Sehubungan itu, Menteri-menteri Kewangan di mesyuarat peringkat ASEAN dan ASEAN+3 (China, Jepun dan Republik Korea) serta Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) dan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik telah

membincangkan isu merentasi sempadan yang mempunyai kesan ke atas prospek pembangunan serantau dan antarabangsa. Isu lain yang turut dibincang termasuk respon pasaran bagi mereda dan menyesuaikan kepada kesan perubahan iklim serta pembaharuan institusi kewangan antarabangsa (IFI).

Di pasaran global, **harga makanan** telah meningkat hampir dua kali ganda dalam tempoh separuh pertama 2008 berbanding tahun 2007. Lonjakan harga makanan ini sebahagian besar disebabkan permintaan kukuh berpunca daripada peningkatan jumlah pengguna berpendapatan sederhana di China, India dan Brazil serta kekangan bekalan makanan yang diburukkan lagi oleh dasar menggalakkan penggunaan biofuel. Masalah ini bertambah meruncing akibat fenomena globalisasi dan perdagangan komoditi makanan yang menyebabkan pengurangan pelaburan pertanian di negara membangun dengan lambakan import bersubsidi tinggi dari negara maju. Kenaikan harga komoditi yang berlarutan akan meningkatkan lagi beban imbalan pembayaran, khususnya di negara yang terlalu bergantung kepada import barang makanan.

Beberapa institusi dan kumpulan ekonomi utama dunia telah menumpukan perhatian kepada krisis makanan setelah menyedari kesan sosiopolitiknya ke atas pelbagai negara. Pada bulan Mei 2008, Bank Pembangunan Asia mengumumkan peruntukan sebanyak USD500 juta sebagai bantuan segera kepada negara Asia Pasifik yang terjejas teruk akibat kenaikan harga makanan serta menggandakan pinjaman pembangunan pertanian yang berjumlah USD1 bilion pada tahun 2008 kepada USD2 bilion pada 2009. Pada bulan Jun 2008, *United Nations Summit on World Food Security and Climate Change* di Rom mengesyorkan supaya bantuan makanan kepada komuniti mudah terjejas diperluaskan, pengeluaran makanan berskala kecil dipertingkatkan dan halangan terhadap perdagangan komoditi makanan dihapuskan.

Pada bulan Mei 2008, Bank Dunia mengumumkan penubuhan kemudahan pembiayaan kewangan segera sebanyak USD1.2 bilion sebagai bantuan

kepada negara yang mudah terjejas. Bank Dunia turut menggesa AS dan Eropah menghapuskan subsidi dan tarif biofuel kerana ia memburukkan lagi masalah kekurangan bekalan makanan dunia yang menyebabkan kenaikan harga tanaman seperti gandum, jagung dan tebu. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) juga menumpukan perhatian kepada keperluan negara pengimport makanan yang mengalami masalah imbalan pembayaran. Persidangan Ke-Enam *Group of Eight Islamic Developing Countries*, ataupun D8 yang diadakan di Kuala Lumpur daripada 4 – 8 Julai 2008 turut memberi perhatian terhadap isu keselamatan makanan dan mengesyorkan satu dana makanan diwujudkan bagi menyelesaikan krisis tersebut.

Bagi pasaran **minyak mentah** pula, elemen yang mempengaruhi harganya termasuk masalah geopolitik di negara pengeluar dan bencana alam akibat perubahan cuaca yang menjejaskan bekalan minyak mentah. Pembangunan pesat serta urbanisasi telah menambah permintaan bagi perkhidmatan pengangkutan yang menyebabkan harga bahan api terus meningkat. Selain itu, nilai dolar AS yang lemah, pasaran kredit yang bermasalah serta bursa utama yang lembap telah menyebabkan pelabur mencari pulangan yang lebih tinggi dengan melabur dipasaran komoditi yang menyumbang kepada kenaikan harga minyak mentah yang berkenaan.

Walaupun diakui bahawa kebanyakan negara kini lebih berdaya tahan terhadap pelbagai kejutan luaran berbanding sedekad yang lalu, kenaikan mendadak harga minyak telah memaksa beberapa kerajaan mengambil langkah radikal seperti mengurangkan subsidi ke atas petrol dan menyalurkan sejumlah wang secara terus kepada golongan yang mudah terjejas. Respon antarabangsa yang serupa, termasuk meningkatkan output dan kapasiti pengeluaran serta mengkaji peranan pasaran niaga hadapan dalam menstabilkan harga minyak mentah. Pada masa yang sama, kerajaan Arab Saudi menyediakan dana sebanyak USD500 juta untuk pinjaman mudah bagi membiayai projek tenaga dan pembangunan di negara membangun.

Pergolakan pasaran kewangan berikutan krisis gadai janji subprima AS dan pasaran kredit lemah telah mencetuskan ketidaktentuan seperti ketidakstabilan pasaran dan kerugian yang menjangkau separuh daripada nilai pasaran modal yang dialami oleh beberapa bursa dunia. Sebagai tambahan kepada pakej bagi menyelamatkan institusi kewangan yang dilaksanakan oleh *Federal Reserve* AS serta beberapa bank pusat negara maju, beberapa *Sovereign Wealth Funds* telah melabur kira-kira USD59 bilion untuk memulihkan modal institusi kewangan yang terjejas akibat krisis kewangan. Langkah tersebut telah membantu menstabilkan sistem kewangan dunia. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan pasaran kewangan berterusan, khususnya dari segi jangka masa, tahap dan impak krisis kepada ekonomi AS serta kesan kepada negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain yang bergantung kepada permintaan pengguna AS. Di samping itu, krisis ini mungkin menyebabkan pelaburan terus beralih ke pasaran yang lebih selamat iaitu pasaran komoditi. Ini akan menyumbang kepada harga komoditi yang turun naik secara mendadak. Keadaan ini telah mendesak kerajaan dan IFI untuk mencari penyelesaian bagi mengurangkan impak ke atas ekonomi global. Ini termasuk langkah memastikan kestabilan pasaran kewangan dunia, memberi sokongan kepada pasaran supaya lebih berkeyakinan dan memperbaiki operasi pasaran melalui pengawalseliaan dan pengurusan ekonomi yang berhemat.

Dalam usaha memperkukuhkan lagi **kestabilan kewangan serantau**, *Chiang Mai Initiative* yang merupakan kemudahan sokongan serantau secara dua hala untuk membantu negara anggota yang menghadapi masalah kecairan jangka pendek, sedang diubah menjadi sokongan serantau pelbagai hala. Dalam konteks ini, Menteri Kewangan ASEAN+3 telah bersetuju pada bulan Mei 2008 untuk mewujudkan satu dana terkumpul berjumlah USD80 bilion dalam bentuk rizab yang boleh digunakan sekiranya negara ahli memerlukan bantuan. Perbincangan mengenai

ASEAN Infrastructure Financing Mechanism pula diteruskan bertujuan untuk membangunkan dana daripada rizab ASEAN bagi membiayai projek infrastruktur di negara ASEAN. ASEM turut meneliti potensi pembiayaan secara *public-private partnership* bagi pembangunan infrastruktur serta penubuhan *European Public-Private Partnership Expertise Centre* bagi membantu membina kapasiti melalui pertukaran pakar di antara Asia dan Eropah.

Satu lagi isu penting yang terus diutamakan oleh masyarakat antarabangsa ialah kesan **perubahan iklim**. Masyarakat dunia juga bersependapat bahawa semua negara mesti memikul tanggungjawab bersama bagi menangani isu global yang berbentuk pelbagai dimensi ini. Telah menjadi pengetahuan umum bahawa negara perindustrian merupakan pengeluar terbesar gas rumah hijau dan menikmati keuntungan yang berlebihan manakala negara miskin memikul beban kelebihan kesan daripada perubahan iklim. Kebimbangan ini telah membawa kepada perbincangan berterusan bagi mengurangkan kesan pengeluaran karbon, mengenalpasti respon pasaran dalam usaha mengurangkan keluaran gas rumah hijau secara kos efektif dan memudahkan pemindahan teknologi mesra alam kepada negara membangun. Pengukuhan kerjasama ini dijangka menggalakkan pelaksanaan *United Nations Framework Convention on Climate Change* secara menyeluruh, berkesan dan berterusan serta penggubalan protokol baru untuk mengganti *Kyoto Protocol*.

Usaha di peringkat pelbagai hala bagi memperbaharui arkitektur sistem kewangan antarabangsa telah ditumpukan kepada **pembaharuan IMF dan Bank Dunia**. Gesaan bagi pembaharuan ini sebahagian besarnya bertujuan untuk meningkatkan kewajaran institusi dan menggalakkan penglibatan semua pihak untuk memastikan institusi kekal relevan dan responsif kepada keperluan negara ahli. Oleh itu, adalah amat penting perwakilan dan penyertaan semua negara yang membangun dipertingkatkan lagi.

Prospek 2009

Pertumbuhan global terus sederhana...

Ekonomi global diramal terus berkembang perlahan pada kadar 3.9% pada tahun 2009 (2008: 4.1%). Pertumbuhan ekonomi AS dan kawasan euro dijangka terus dikekang oleh pergolakan pasaran kewangan dan keadaan kredit yang ketat serta ketidaktentuan kesan keseluruhan krisis gadai janji subprima. Namun krisis pasaran kewangan dijangka reda berikutan langkah dan dasar yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa berkaitan. Meskipun pertumbuhan bagi ekonomi membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain dijangka perlahan akibat permintaan global yang berkurangan,

China dan India dijangka terus menyumbang kepada momentum pertumbuhan dunia. Harga komoditi yang dijangka kekal tinggi akan terus menguntungkan negara membangun yang kaya dengan sumber asli. Dengan itu, pertumbuhan ekonomi global, perdagangan dan pelaburan dijangka bertambah baik pada separuh kedua 2009.

Prospek ekonomi dunia dijangka terus dipengaruhi oleh tekanan inflasi. Walau bagaimanapun, komitmen berterusan pihak kerajaan dan swasta serta sokongan institusi pelbagai hala di peringkat serantau dan global adalah diperlukan bagi menangani cabaran dan mengekalkan pertumbuhan global.